



**PENGAMBILAN  
INSPEKTOR PERCUBAAN  
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

Pasukan Polis Diraja Brunei ingin mempelawa rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat dengan Pasukan ini sebagai **INSPEKTOR PERCUBAAN**.

**TANGGAGAJI**

PD10: \$1,970    \$2,005    \$2,040    \$2,075    \$2,110 dan seterusnya, serta elaun-elaun tertentu .

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

1. Memegang kelulusan Diploma tahap 5 / *Higher National Diploma* (HND) atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
2. Tidak lebih daripada 25 tahun pada tarikh pengambilan;
3.
  - a. Pemohon Lelaki - ketinggian tidak kurang dari 1.63 meter (5 kaki 4 inci) dan berat badan tidak kurang 60 kg;
  - b. Pemohon Wanita - ketinggian tidak kurang dari 1.57 meter (5 kaki 2 inci) dan berat badan tidak kurang 55 kg;
4. Mempunyai penglihatan yang baik. Pemohon hendaklah tidak buta warna;
5. Mestilah lulus ujian kecergasan dan pemeriksaan kesihatan.

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

Perkhidmatan Inspektor adalah secara lantikan tetap dan berpencen.

**KURSUS/ LATIHAN**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan asas selama lapan (8) bulan di Pusat Latihan Polis.

## **TEMPOH PERCUBAAN**

Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun dan akan ditempatkan dipelbagai jabatan/ formasi dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

## **PROSEDUR MENGHADAPKAN PERMOHONAN**

1. Borang-borang permohonan boleh didapati di kaunter penyambut tetamu, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Jalan Tungku, Gadong, semasa waktu pejabat dan juga boleh dimuat turun di laman sesawang Pasukan Polis Diraja Brunei ([www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn)).
2. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan kepada Ketua Bahagian Keanggotaan dan Perancangan Kerjaya, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Gadong **selewatnya hari Isnin, 1 Mei 2017**.
3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
4. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Keanggotaan dan Perancangan Kerjaya di talian 2459500 sambungan 615